

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATUK WEE JECK SENG (TANJONG
PIAI)
TARIKH :
NO. SOALAN : 125

YB DATUK WEE JECK SENG minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah perkembangan perbincangan “Regional Comprehensive Economic Partnership” atau RCEP dan sejauh manakah Malaysia menganalisis impak dan faedah mengenai RCEP kepada negara kita.

JAWAPAN:

Tuan yang Di Pertua,

1. Kerjasama Komprehensif Ekonomi Serantau (*Regional Comprehensive Economic Partnership – RCEP*) telah disasarkan untuk dimuktamadkan pada akhir tahun 2015. Namun begitu, masa yang lebih banyak diperlukan untuk memuktamadkan perjanjian ini khususnya dalam perkara-perkara teknikal. Oleh yang demikian, pada 22 November 2015, Ketua-Ketua negara RCEP telah mengeluarkan kenyataan bersama yang antara lainnya memanjangkan masa untuk RCEP supaya dimuktamadkan pada akhir tahun 2016.

2. Sehingga Februari 2016, sebanyak 11 pusingan rundingan RCEP telah dijalankan. Fokus rundingan kini adalah kepada akses pasaran dalam bab perdagangan barang, perdagangan perkhidmatan dan pelaburan. Teks perjanjian RCEP juga sedang dirundingkan dengan lebih agresif bagi memastikan ianya dapat dimuktamadkan dalam masa yang telah ditentukan. Sehingga kini terdapat sekurang-kurangnya 19 bab bagi perjanjian RCEP yang merangkumi antara lainnya:

- (i) Perdagangan Barangan;
- (ii) Perdagangan Perkhidmatan;
- (iii) Pelaburan;
- (iv) Kerjasama Ekonomi dan Teknikal;
- (v) Harta Intelekt;
- (vi) Dasar Persaingan;
- (vii) Penyelesaian Pertikaian;
- (viii) Perdagangan Elektronik; dan
- (ix) Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana.

3. Pada masa ini, bab-bab yang dianggap sensitif bagi Malaysia dan sebilangan negara-negara ASEAN seperti Perolehan Kerajaan, Alam Sekitar dan Buruh tidak mendapat persetujuan penuh negara-negara anggota RCEP untuk dirundingkan. Namun begitu, elemen-elemen tambahan penting seperti perdagangan elektronik (*electronic commerce*) dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana telah dipersetujui untuk dirundingkan sesuai dengan suasana perniagaan, pelaburan dan perdagangan masa kini.

4. Dijangka sebanyak 5 pusingan rundingan lagi akan diadakan sehingga penghujung tahun ini untuk memuktamadkan RCEP. Bagi menyelesaikan isu-isu sensitif RCEP, Menteri-Menteri yang bertanggungjawab terhadap RCEP juga telah bertemu dengan kerap untuk memberikan kata putus dan pandangan masing-masing sebagai usaha untuk memuktamadkan RCEP. Perjumpaan kerap Menteri-Menteri ini juga merupakan satu mekanisma untuk memantau komitmen-komitmen yang dirundingkan untuk memastikan ianya sejajar dengan kapasiti ekonomi negara masing-masing dan akan memberikan manfaat ekonomi secara keseluruhan.

Tuan yang Di Pertua,

5. Sukacita saya menjelaskan bahawa perjanjian RCEP ini adalah usaha untuk mengumpul semua perjanjian perdagangan bebas (*free trade agreement* – FTA) ASEAN (ASEAN-China, ASEAN-Korea, ASEAN-Jepun, ASEAN-India dan ASEAN-Australia-New Zealand) ke dalam satu perjanjian dengan tujuan untuk memudahkan dan perniagaan serantau dan memastikan syarikat-syarikat ASEAN adalah kompetitif di peringkat global. Sektor-sektor baru seperti Harta Intelek, Dasar Persaingan dan perdagangan elektronik (*e-commerce*) adalah perlu bagi memastikan perjanjian RCEP kekal relevan dan menepati keperluan perusahaan di peringkat global terutamanya dalam menarik pelaburan dan memodenkan ekonomi rantau ASEAN.

6. Beberapa aspek boleh dinilai untuk memberikan gambaran mengenai kesediaan Malaysia bagi Perjanjian RCEP.

- (i) RCEP adalah FTA ASEAN dengan negara-negara yang telahpun mempunyai FTA secara individu dengan ASEAN. Oleh yang demikian, akses pasaran di antara ASEAN dan negara-negara ini telah pun diliberalisasikan. Malaysia juga telah mempunyai FTA dua hala dengan beberapa negara seperti Jepun, India, New Zealand dan Australia;
- (ii) skop-skop yang dipersetujui untuk dirundingkan di bawah RCEP tidak merangkumi beberapa sektor sensitif seperti perolehan kerajaan, alam sekitar dan buruh. Bagi sektor-sektor seperti hak harta intelek dan dasar persaingan, Malaysia secara umumnya mempunyai pendekatan yang sama seperti negara ASEAN yang lain. Ini membolehkan Malaysia mengekalkan pendirian-pendirian yang sesuai dengan tahap pembangunan sektor-sektor ini;
- (iii) peruntukan-peruntukan mengenai perusahaan mikro, kecil dan sederhana juga sedang dirundingkan dalam perjanjian RCEP. Ini adalah bagi memastikan sektor dapat memanfaatkan perjanjian ini setelah dimuktamadkan; dan
- (iv) secara amnya, Malaysia juga mempunyai tahap liberalisasi ekonomi yang lebih terbuka berbanding beberapa negara yang sedang merundingkan RCEP. Oleh yang demikian, Malaysia mempunyai *offensive*

interest dalam beberapa sektor terutamanya dalam perdagangan barangan dan pelaburan. Malaysia juga mempunyai kesediaan perundangan dalam beberapa sektor seperti hak harta intelek, dasar persaingan dan perdagangan elektornik (*e-commerce*) yang membolehkan Malaysia berunding dengan lebih efektif.

7. Melalui RCEP ini, negara-negara ahli termasuk Malaysia dijangka akan mendapat manfaat melalui:

- (i) penyelarasan peraturan-peraturan dan prosedur yang pada masa ini berbeza di bawah setiap FTA ASEAN. Sektor swasta berpandangan bahawa perbezaan ini menyebabkan kerumitan perdagangan memandangkan mereka perlu mengikut prosedur yang berlainan bagi setiap FTA ASEAN. Ini melibatkan kos tambahan dan masa yang lebih panjang dalam urusan perniagaan;
- (ii) perolehan bahan mentah yang berkualiti pada harga yang lebih murah serta boleh digunakan dalam perkiraan bagi pematuhan kepada Peraturan Tempasal (*Rules of Origin* – ROO). ROO merupakan penentu sama ada produk yang dihasilkan dapat menggunakan bahan mentah dan input daripada negara-negara ahli RCEP. Ini adalah penting untuk memastikan aktiviti pengeluaran dilaksanakan dalam negara-negara RCEP;

negara akan sentiasa dipelihara. Dalam konteks ini Kerajaan sedang mengadakan konsultasi berterusan dengan sektor swasta dan lain-lain *stakeholder* untuk memastikan kepentingan Malaysia diambil kira dan dilindungi.